

04/09/1997

Hubungan dengan ulama lebih baik

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan masalah di antara kerajaan dan mufti sudah selesai dan mulai hari ini semua fatwa di negara ini akan diseragamkan.

Menurut Perdana Menteri, semua kekeliruan dan perasaan kecil hati antara kedua-dua pihak berjaya diselesaikan dalam suasana aman selepas beliau menjelaskan tujuan kerajaan menegur tindakan beberapa mufti baru-baru ini.

"Dalam pertemuan semalam, saya menjelaskan mengenai kekeliruan mengenai ajaran Islam dan mengapa kita perlu menyelaraskan fatwa di seluruh negara.

"Sekarang kita mempunyai (sistem) perhubungan yang begitu baik dan semua perkara boleh disampaikan ke semua tempat serta-merta. Kerana itu kita tidak perlu lagi fatwa berbeza-beza sekarang," katanya menyampaikan amanat kepada perwakilan Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini petang ini.

Perdana Menteri berkata, sebarang fatwa yang hendak dikeluarkan sekarang mesti mengikut prosedur tertentu, bukannya dikeluarkan oleh sebarang mufti tanpa dirujuk kepada mana-mana pihak.

"Saya dapati bila kita dengar orang bertanya soalan agama di radio atau televisyen, orang ingat (jawabannya) adalah fatwa, tetapi sebenarnya ia adalah pendapat orang itu sahaja.

"Fatwa sebenarnya perlu dibuat mengikut proses undang-undang yang sempurna iaitu dengan mufti berbincang dalam satu jawantakusa yang tinggi, kemudian dibawa kepada mesyuarat Exco (kerajaan negeri), kemudian Majlis Raja-Raja dan baru diwartakan jadi fatwa... Bukan sebarang pendapat boleh jadi fatwa," tegasnya.

Menurutnya, beliau menyedari ada mufti yang diberi kuasa berlebihan sehingga boleh mengeluarkan fatwa dengan sewenang-wenangnya.

"Saya dapati dalam undang-undang Wilayah Persekutuan, muftinya diberi kuasa berlebihan. Dia buat fatwa dalam jawatankuasa yang dipengerusikannya sendiri dan kemudian beliau sendiri yang mewartakan fatwa itu. Tak patutlah, tak kena (prosedur itu)," katanya.

(END)